

TATAKELAKUAN

EDISI 2024



ROLEX

Isi kandungan

- 04 PENDAHULUAN**
 - Skop
 - Prinsip dan nilai

- 05 MAJIKAN YANG BERTANGGUNGJAWAB**
 - Kesihatan dan Keselamatan
 - Gangguan
 - Persekitaran kerja yang inklusif dan adil
 - Data peribadi

- 07 ETIKA PERNIAGAAN**
 - Kerahsiaan perniagaan
 - Rasuah
 - Konflik kepentingan
 - Persaingan yang adil
 - Pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan
 - Hak asasi manusia

- 10 ALAM SEKITAR**

- 11 PELAKSANAAN TATAKELAKUAN**
 - Tanggungjawab individu pekerja
 - Ketidakpatuhan terhadap Tatakelakuan

Rakan sekerja yang dihormati,



Rolex dibina berdasarkan nilai-nilai asasnya – usaha berterusan untuk mencapai kualiti terbaik, semangat inovasi, kecemerlangan unggul – yang menjadi inspirasi setiap usaha kita serta menakrifkan identiti kita. Prinsip-prinsip ini, yang sebelum ini disampaikan secara tidak rasmi sepanjang sejarah kewujudan kita, kini dipersembahkan dalam dokumen Tatakelakuan ini.

Berdepan dengan isu utama iaitu kelestarian, kami berpendapat adalah penting untuk merasmikan komitmen kami dalam dokumen ini, dengan menerangkan nilai, etika dan standard dalaman yang telah membentuk syarikat kita sejak awal.

Tatakelakuan ini menjadi sebahagian daripada strategi kelestarian global kita. Ia menakrifkan rangka kerja di mana Rolex, pekerja dan rakan sekutu di luar membuat komitmen bersama terhadap tingkah laku perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab.

Berdasarkan nilai teras kita, ia menyokong, antara lain, persekitaran kerja yang sihat, integriti dalam aktiviti perniagaan kita serta pemeliharaan cara kita melakukan sesuatu.

Diedar dan digunakan di Switzerland dan di semua sekutu kami di luar negara, ia mempertanggungjawabkan setiap pekerja Kumpulan kami untuk menghormati peraturan tersebut.

Saya memohon anda membiasakan diri dengannya serta berkongsi dengan orang lain, dan saya merayu agar setiap daripada kita menjadikan ini sebuah tanggungjawab peribadi untuk mematuhi dan mengekalkan prinsip-prinsipnya.

Terima kasih atas komitmen anda terhadap visi bersama kita.

A handwritten signature in blue ink, consisting of several sharp, overlapping loops and a long horizontal stroke extending to the right.

Jean-Frédéric Dufour
Ketua Pegawai Eksekutif
Rolex SA

PENDAHULUAN

Dicipta untuk kekal. Falsafah Rolex adalah berdasarkan nilai kecemerlangan dan inovasi serta konsep kelestarian. Falsafah ini juga merupakan sebahagian daripada rangka kerja etika yang ketat, yang prinsip utamanya dinyatakan dalam Tatakelakuan ini. Ia merupakan sebahagian daripada pendekatan ke arah kelestarian yang diambil oleh Rolex dan badan tadbir urusnya. Ia melengkapinya pendekatan jenama ini terhadap tingkah laku perniagaan yang bertanggungjawab. Ia berdasarkan, khususnya Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional bagi Tatalaku Perniagaan Bertanggungjawab serta Matlamat Pembangunan Lestari PBB. Di dalam organisasi ini, ia disokong oleh peraturan yang berkaitan dan Piagam Pembangunan Lestari, yang merasmikan komitmen rakan kongsi kami dalam bidang ini.

SKOP TATAKELAKUAN

Tatakelakuan ini merasmikan komitmen Rolex dan pekerjanya, di dalam dan di luar syarikat, untuk menjalankan perniagaan syarikat secara bertanggungjawab. Ia diedarkan dan digunakan oleh semua syarikat Kumpulan di Switzerland dan luar negara, serta mematuhi undang-undang yang terpakai.

Setiap pekerja berjanji untuk menghormatinya.

PRINSIP DAN NILAI ASAS

Prinsip Tatakelakuan ini membentuk rangka kerja beretika untuk segala urusan operasi Rolex. Prinsip-prinsip ini berkaitan dengan menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan merangsang, integriti dalam pengurusan perniagaan, serta perlindungan alam sekitar.

Pekerja Rolex ialah duta jenama ini. Oleh itu, tingkah laku mereka mesti mematuhi Tatakelakuan ini dan sejajar dengan nilai-nilai asas syarikat:

- **Kecemerlangan:** melalui bekerja dengan penuh ketelitian dan usaha untuk mencapai kesempurnaan yang ideal.
- **Kualiti:** dengan menggunakan keperluan ini pada produk dan dalam semua aktiviti setiap hari.
- **Inovasi:** dengan membangunkan teknik baharu dan penyelesaian inovatif.
- **Kelestarian:** dengan mengubah rantaian nilai syarikat untuk menjadikannya lebih mapan dan bertanggungjawab.
- **Kemahiran insaniah:** melalui kerjasama yang penuh hormat dan muhibah.

MAJIKAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Mewujudkan persekitaran kerja yang sihat, hormat-menghormati dan bermanfaat

MEMPROMOSIKAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN DI TEMPAT KERJA

Kesejahteraan pekerja termasuk:

- Mewujudkan persekitaran dan keadaan kerja yang kondusif untuk pembangunan peribadi setiap pekerja.
- Waktu kerja yang fleksibel.
- Mengenal pasti risiko.
- Mencegah kemalangan dan penyakit pekerjaan.
- Mencegah risiko fizikal dan psikososial seperti pelanggaran integriti peribadi (contohnya, gangguan psikologi atau seksual).
- Penjagaan dan sokongan untuk pekerja yang mengalami situasi peribadi yang sukar.
- Inisiatif peningkatan kesedaran dan latihan.

Selaras dengan nilai terasnya, Rolex mewujudkan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan saling menghormati yang menggalakkan kesejahteraan fizikal, mental serta emosi semua pekerja. Untuk mencapai matlamat ini, Rolex telah melaksanakan dasar, program dan menyediakan sumber untuk menyokong pematuhan pekerja. Rolex juga komited kepada proses penambahbaikan yang berterusan.

MEMBANTERAS GANGGUAN

Tanpa mengira sifat atau cara, gangguan termasuk sebarang sikap yang bertujuan untuk menggugat kestabilan, memperkecil, mengasingkan atau mengecualikan individu atau kumpulan individu. Dalam hal ini, gangguan adalah satu bentuk tingkah laku bermusuhan yang disengajakan, tanpa mengira hubungan hierarki antara orang-orang yang terlibat.

Syarikat tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk gangguan dan telah melaksanakan langkah untuk meningkatkan kesedaran dan mencegah situasi ini melalui garis panduan yang jelas (tersedia dalam peraturan dalaman yang berkaitan) mengenai tingkah laku yang sepatutnya. Tingkah laku mengganggu boleh menyebabkan sipelaku dikenakan tindakan tatatertib dan, di kebanyakan negara, pendakwaan jenayah.

MEMUPUK PERSEKITARAN KERJA YANG INKLUSIF DAN ADIL

Persekitaran yang inklusif dan adil adalah berdasarkan kesamarataan peluang dan layanan, serta komitmen untuk memerangi sebarang bentuk diskriminasi, sama ada berdasarkan jantina, agama, asal-usul etnik, umur, orientasi seksual atau sebarang bentuk ketidakupayaan.

Rolex menyedari bahawa kepelbagaian pengalaman, perspektif dan bakat adalah aset berharga bagi syarikat. Oleh itu, pekerja menerima layanan adil daripada syarikat, tanpa sebarang diskriminasi. Semua pekerja juga mendapat manfaat daripada persekitaran di mana setiap orang boleh mencapai potensi mereka dan menyumbang sepenuhnya, secara peribadi dan profesional, kepada kejayaan syarikat.

MELINDUNGI DATA PERIBADI

Melindungi data peribadi memerlukan protokol keselamatan yang ketat dan dasar melihat maklumat yang memastikan bahawa individu yang terlibat mempunyai hak untuk melihat, mengubah atau memadam data peribadi mereka. Hanya data peribadi yang diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan sahaja boleh dikumpul, diproses dan digunakan.

Dengan melaksanakan prosedur khusus, Rolex memberi komitmen untuk melindungi data peribadi semua individu yang terlibat, serta mengumpul dan memprosesnya mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

ETIKA PERNIAGAAN

Bertindak dengan integriti, tanggungjawab dan ketelusan

MEMASTIKAN KERAHSIAAN PERNIAGAAN

Pekerja bertanggungjawab terhadap maklumat nyata atau abstrak dari sebarang bentuk yang bersifat saintifik, teknikal, komersial, kewangan atau lain-lain, dipindahkan secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain.

Rolex telah melaksanakan langkah teknikal dan organisasi untuk memelihara kerahsiaan perniagaannya. Ini termasuk larangan terhadap penerbitan dan perkongsian kandungan profesional dalaman, terutamanya di media sosial. Pekerja berjanji untuk mematuhi peraturan tingkah laku jenama ini di media sosial dan laman web peribadi serta memastikan integriti reputasi syarikat. Budi bicara ini melindungi kepakaran, rahsia perniagaan dan integriti pihak berkepentingan syarikat.

MENOLAK AMALAN RASUAH

Rasuah merupakan kesalahan yang secara amnya disanksi oleh undang-undang jenayah yang terpakai di negara tempat kita beroperasi.

Khususnya, Kanun Jenayah Switzerland melarang rasuah terhadap pegawai awam Switzerland atau asing, rasuah swasta dan pemberian kelebihan. Ini termasuk menawarkan, menjanjikan atau memberi faedah atau hadiah langsung atau tidak langsung kepada pekerja agar mereka bertindak atau mengabaikan tindakan, dalam pelaksanaan tugas mereka, yang melanggar tugas ini atau atas budi bicara mereka sendiri. Secara umum, ia ditakrifkan oleh keinginan untuk mempengaruhi seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu tindakan sebagai balasan untuk manfaat tersebut.

Dalam konteks ini, Rolex melarang sebarang bentuk rasuah.

Tanggungjawab setiap individu untuk memastikan mereka tidak memberi atau menerima rasuah. Rolex menjemput pekerjanya untuk mengambil peranan aktif dalam berkongsi dan mempertahankan prinsip bertanggungjawab ini. Rolex mempunyai dasar sifar toleransi terhadap rasuah. Amalan rasuah bertentangan dengan etika perniagaan Rolex, kerana keputusan seseorang boleh dikompromi oleh sebarang jenis faedah yang ditawarkan sebagai pertukaran untuk pengaruh tersebut.

Sebagai tambahan kepada dasar anti-rasuah Rolex, pekerja syarikat tidak boleh meminta hadiah atau faedah. Tambahan pula, sekiranya hadiah diberikan, mereka mesti memastikan bahawa ini adalah hadiah adat yang tidak diminta dan tidak melebihi jumlah yang dinyatakan dalam peraturan dalaman yang berkenaan.

MENCEGAH KONFLIK KEPENTINGAN

Konflik kepentingan ditakrifkan oleh kewujudan hubungan peribadi yang boleh menyebabkan pekerja membuat pilihan yang memudaratkan kepentingan syarikat. Ini mungkin berlaku khususnya apabila memilih rakan kongsi perniagaan atau pekerja yang berpotensi. Untuk melindungi kepentingan pekerja dan syarikat, Rolex memberi perhatian khusus dalam mengurus konflik kepentingan. Syarikat memastikan integriti pasaran

dan persaingan yang sihat. Ini bermakna keputusan yang dibuat oleh pekerja Rolex tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi. Ia sekali gus menggalakkan pembuatan keputusan mengikut kriteria yang objektif dan telus.

MENGALAKKAN PERSAINGAN ADIL

Amalan tidak adil termasuk penyalahgunaan kedudukan dominan, pakatan sulit dengan amalan anti-persaingan seperti penetapan harga, peruntukan pasaran, kuota pengeluaran atau jualan dan lain-lain bentuk pakatan sulit antara syarikat yang menyekat persaingan, serta urus niaga yang membawa kepada penumpuan pasaran yang berlebihan, iklan yang mengelirukan, pembuangan produk di pasaran (dumping), subsidi negara dan pelanggaran hak harta intelek.

Seperti usaha Rolex dalam mencegah konflik kepentingan dalam tingkah laku perniagaannya, syarikat berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan hubungan yang sihat dan kepercayaan dengan rakan sebaya dan rakan kongsinya bagi memastikan persaingan yang adil, bebas dan saksama, selaras dengan undang-undang yang terpakai.

MEMBANTERAS PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

Pengubahan wang haram ditakrifkan sebagai sebarang transaksi yang menyembunyikan asal usul dana yang diperoleh secara jenayah atau haram dengan cara melabur semula dana tersebut dalam aktiviti-aktiviti yang sah. Perjuangan menentang pembiayaan keganasan bertujuan untuk menghalang mereka yang bertanggungjawab daripada mendapatkan dana yang mereka perlukan untuk menjalankan aktiviti mereka. Rolex melaksanakan langkah-langkah organisasi untuk mencegah dan mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan. Syarikat menjangkakan pekerjaannya untuk lebih berwaspada dalam hal ini.

MENYOKONG HAK ASASI MANUSIA

Hak asasi manusia meliputi pelbagai bidang termasuk buruh paksa, pemerdagangan manusia, penderaan, kesamarataan, semua bentuk diskriminasi dan gangguan, pelanggaran hak kebebasan berhimpun dan bersatu, dan hak kepada keadaan kerja yang wajar (terutamanya berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan).

Disebabkan oleh sifat aktiviti dan selaras dengan dasar pembelian yang bertanggungjawab, Rolex memastikan bahawa aktiviti dijalankan dengan mematuhi hak asasi manusia. Dalam konteks ini, pekerja berjanji untuk berwaspada sepanjang rantai bekalan.

ALAM SEKITAR

Memberi komitmen untuk memelihara sumber semula jadi dan meletakkan kelestarian sebagai nadi aktiviti-aktivitinya

Dalam usaha mengejar kecemerlangan, Rolex berusaha untuk meningkatkan prestasi alam sekitar setiap hari. Dalam konteks ini, perlindungan alam sekitar adalah kebimbangan utama syarikat.

Rolex komited untuk melindungi alam semula jadi dengan menjalankan perniagaannya secara bertanggungjawab. Ini termasuk melaksanakan proses penambahbaikan berterusan yang bertujuan untuk mengurangkan kesan alam sekitar.

Rolex mengharapkan semua orang menyedari kepentingan komitmen ini dan menyumbang kepadanya melalui tingkah laku dan keputusan perniagaan mereka.

Rolex mencipta produk yang direka untuk bertahan lama dan boleh dikekalkan sepanjang hayat. Selain itu, syarikat berusaha sedaya upaya untuk mengawal penggunaan tenaga dan memelihara sumber alam yang digunakan dalam aktiviti. Rolex telah melaksanakan pelbagai petunjuk prestasi untuk memantau jejak karbon, sisa, kualiti udara, bahan kimia, air, mobiliti dan kepelbagaian biologi.

Syarikat juga mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pelepasan pencemaran sebanyak mungkin. Syarikat memastikan standard tertinggi diterapkan dalam kebolehhesanan. Di semua bidang – daripada pembekalan hingga pembuatan dan pengedaran – Rolex bekerjasama dengan pekerjaanya di seluruh rantai nilai.

PELAKSANAAN TATAKELAKUAN

TANGGUNGJAWAB INDIVIDU PEKERJA

Pada peringkat individu, pekerja mesti memastikan bahawa prinsip yang dinyatakan dalam Kod ini dihormati dan dipatuhi.

Setiap pekerja, tanpa mengira tanggungjawab atau tugas mereka, mesti melaporkan sebarang tingkah laku yang melanggar Tatakelakuan kepada pengurus mereka, kepada wakil Sumber Manusia, atau melalui Sistem Makluman dalam talian yang boleh diakses melalui [rolex.com](https://www.rolex.com).

KETIDAKPATUHAN TERHADAP TATAKELAKUAN

Sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap Kod Tatakelakuan, Rolex mengambil tindakan yang sewajarnya dan mengenakan sekatan yang setimpal dengan keseriusan pelanggaran, menurut peraturan dalamannya dan mematuhi undang-undang yang terpakai.

VERSI**TARIKH****PERUBAHAN**

1	Mac 2024	Isu pertama Tatakelakuan
2	April 2024	Rujukan kepada Sistem Makluman Rolex dalam bahagian “Tanggungjawab individu pekerja”.